

12 AUG 1998

PM SERAH JALUR GEMILANG KEPADA KONTINJEN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 12 Ogos -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan "Jalur Gemilang" kepada kontinjen Malaysia ke Sukan Komanwel ke-16 Kuala Lumpur '98 di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil, di sini.

Upacara penyerahan bendera negara itu diadakan sempena pertemuan Perdana Menteri dengan atlet-atlet negara. Ia bertujuan memberi perangsang kepada mereka yang akan menyertai temasya sukan kedua terbesar di dunia itu 11-21 Sept ini.

Bendera itu diserahkan kepada ketua kontinjen negara, Datuk Khalid Yunus. Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Majlis Olimpik Malaysia (MOM) semalam mengumumkan senarai nama 241 atlet negara yang akan beraksi dalam 16 acara pada Sukan Komanwel terakhir abad ini.

Malaysia menetapkan sasaran memenangi tujuh pingat emas, enam perak dan 11 gangsa pada Kuala Lumpur '98 ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menerima pakaian trek rasmi yang akan digunakan oleh kontinjen Malaysia dan menerima sumbangan RM7,760 dari kontinjen negara untuk Dana Khas Negara bagi membantu memulihkan ekonomi negara.

Malaysia adalah negara anggota Komanwel pertama di Asia menjadi tuan rumah kejohanan sukan empat tahun sekali itu. Victoria, Kanada menganjurkan sukan ini tahun 1994, manakala bandar raya Manchester, England akan menjadi medan pertarungan pada 2002.

Persiapan Malaysia untuk menganjurkan sukan ini termasuk membina Kompleks Sukan Negara serba moden berharga lebih RM800 juta yang mengandungi sebuah stadium utama yang mampu memuatkan 100,000 penonton.

Ia dibuka dengan rasminya oleh Dr Mahathir 11 Julai lalu.

-- BERNAMA

MAM ZB